

27/12/1998

PM lawat projek

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa melawat beberapa tapak projek pembangunan dan pelancongan di sekitar Langkawi, sempena kunjungan tidak rasmi beliau, semalam.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri melawat tapak projek chalet di Teluk Burau. Projek itu dimajukan oleh Emkay Holdings membabitkan 400 unit chalet dengan jumlah pelaburan kira-kira RM180 juta.

Beliau kemudian melawat tapak sebuah projek pelancongan yang dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di Pantai Kok. Selepas itu, beliau turut meninjau jalan susur yang baru dibina menghubungkan Ulu Melaka dan Makam Mahsuri.

Dr Mahathir turut melawat tapak cadangan sebuah projek pembangunan kawasan paya di Jalan Ayer Hangat.

(END)